



Farahtul Najjah menerima piala daripada Prof. Dr. Nik Mustapha.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

**SERDANG (25 Mac)** - Kolej Kelima terus membuktikan kegemilangan majlis tahunan tradisi untuk meraikan mahasiswa tahun akhir dengan penuh berprestij bertempat di dewan makannya sendiri seperti berlangsung di

hotel.

Majlis Makan Malam dan Penganugerahan Kolej Kelima Sesi 2005/2006 yang dipenuhi para jemputan mendapat perhatian semua yang hadir kerana pihak kolej berjaya mengatur majlis dengan penuh kreatif dan berjalan lancar.

Dalam penuh debaran, Farahtul Najjah

# Majlis gemilang di tempat sendiri



Piala rebutan warga Kolej Kelima.

Abdul Kadir, Naib Presiden 2 Majlis Tertinggi Kolej Kelima diumumkan sebagai penerima Beyond Academic Excellence Award.

Anugerah Budayawan dan Budayawanis menjadi milik kepada Awang Annuar Awang Mansor dan Raihan. Anugerah Olahragawan dimenangi Sharudin

Abd. Rahman. Nurul Fariha Ahmad Fawzi dan Nurul Hidayah Abdul Khalid dianugerahkan Akademik terbaik Diploma dan Ijazah.

Anugerah Khas Felo berpihak kepada Wan Nur Syakirin Wan Abd. Rahman dan Sashitaran a/l Subramaniam. Seterusnya, mahasiswa mahasiswi berbakat dan berketrampilan diberikan Anugerah Kepimpinan Kolegial Tahap I, Anugerah Kepimpinan Kolegial Tahap II, Anugerah Khas Kepimpinan dan Anugerah Khas Pengurusan.

"Kejayaan warga Kolej Kelima semakin memberikan reputasi dan meningkatkan kualiti kolej berbanding dengan kolej lain. Perlu diingat, pembelajaran mesti diteruskan sepanjang hayat selepas bergraduat nanti," ucap Pengetua Kolej Kelima, Dr Mohamad Shatar Sabran.